

Cagamas keluar bon, sukuk RM11b tahun ini

→ Terbitan baharu sesuai berikutan pemulihan ekonomi

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Cagamas Bhd, Perbadanan Gadaai Janji Nasional menyasarkan untuk menerbitkan bon dan sukuk berjumlah RM11 bilion tahun ini, lebih tinggi berbanding RM5.7 bilion yang diterbitkan tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong, berkata setakat bulan lalu, Cagamas sudah menerbitkan bon dan sukuk bernilai RM5.4 bilion.

"Kami jangka nilai terbitan yang tinggi tahun ini berikutan bank perlu memenuhi permintaan keperluan Basel III.

"Satu daripada opsyen bagi bank adalah melihat kepada Cagamas dari segi penyediaan pengurusan modal dan penye-



Chee Leong pada taklimat media mengenai pasaran modal di Kuala Lumpur.

lesaian pengurusan kecairan," katanya kepada pemberita pada taklimat media mengenai pasaran modal di Kuala Lumpur, semalam.

Chee Leong berkata, sekarang adalah masa yang sesuai dalam menerbitkan bon dan sukuk berikutan pemulihan dalam persekitaran ekonomi.

Katanya, Cagamas baharu sahaja selesai membuat terbitan dalam denominasi dolar Amerika Syarikat (AS) dan ia mendapat sambutan menggalakkan.

Sasaran mampu dicapai

"Melangkah ke hadapan dan bersandarkan kepada sambutan yang diterima itu, sasaran terbitan RM11 bilion dilihat mampu dicapai," katanya.

Dari segi nisbah terbitan bon dan sukuk, Chee Leong berkata,

Info

Cagamas Bhd

→ ditubuhkan pada 1986

→ Pemegang saham Cagamas ialah Bank Negara Malaysia, bank komersil dan bank pelaburan

Cagamas bercadang daripada keseluruhan nilai terbitan yang disasarkan tahun ini, 70 peratus membabitkan terbitan bon dan 30 peratus adalah terbitan sukuk.

Beliau bagaimanapun, menegaskan, nisbah sebenar adalah bergantung kepada keperluan institusi kewangan sama ada mereka memerlukan terbitan bon atau sukuk.

Menyentuh mengenai pembangunan pasaran modal di Malaysia, beliau berkata, lebih banyak program kesedaran dan pendidikan diperlukan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelabur runcit mengenai pelaburan dalam pasaran bon.

Penyertaan pelabur runcit dalam pasaran bon masih rendah di negara ini berbanding dengan pasaran serantau lain, katanya.